

1. Tokoh berikut mempunyai pendapat sendiri mengenai Alam Melayu.



Profesor Emeritus Dato' Dr.
Nik Hassan Suhaimi

Kawasan manakah yang termasuk dalam Alam Melayu mengikut pandangan beliau?

- I India
- II China
- III Taiwan
- IV Australia

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

2. Bagaimanakah pemerintah Srivijaya memperkukuhkan kerajaannya?

- ☐ A Menyatukan wilayah kecil
- ☐ B Menakluk kawasan sekitar
- ☐ C Menyebarkan ajaran agama
- ☐ D Menjalin hubungan diplomatik

3. Apakah bentuk hubungan yang terjalin antara Funan dengan India?

- ☐ A Pertanian
- ☐ B Keagamaan
- ☐ C Ketenteraan
- ☐ D Perkahwinan


4. Bahan mentah berikut terdapat dalam kerajaan Gangga Nagara.

- Emas
- Bijih timah

Apakah kesan kekayaan hasil bumi tersebut?

- ☐ A Menjadi tumpuan pedagang luar
- ☐ B Maju dalam kegiatan perindustrian
- ☐ C Memodenkan bidang perlombongan
- ☐ D Muncul sebagai kerajaan paling kaya

5. Rajah berikut berkaitan dengan kerajaan Majapahit.



Siapakah tokoh X?

- ☐ A Raden Vijaya
☐ B Fan Shih-man
☐ C Che Bong Nga
☐ D Patih Gajah Mada
6. Raden Vijaya mengasaskan kerajaan Majapahit pada abad ke-13. Bagaimanakah tokoh tersebut mengasaskan kerajaan tersebut?

- ☐ A Menamatkan perang saudara
☐ B Menjalankan perluasan kuasa
☐ C Menerima bantuan tentera Mongol
☐ D Mengatasi ancaman kerajaan Siam

7. Bagaimanakah nilai-nilai serumpun diwujudkan dalam masyarakat Alam Melayu?

- ☐ A Dendangan puisi
☐ B Sambutan perayaan
☐ C Aktiviti gotong-royong
☐ D Pendidikan tidak formal

8. Maklumat berikut berkaitan dengan bahasa Melayu.

• Sederhana
• Mudah dipelajari

Ciri-ciri tersebut menyebabkan bahasa Melayu

- ☐ A diiktiraf oleh UNESCO
☐ B diterima di Alam Melayu
☐ C menjadi warisan tamadun
☐ D menjadi bahasa *lingua franca*

9. Senarai berikut menunjukkan lokasi bagi kerajaan Alam Melayu.

• Lembah Sungai Mekong
• Lembah Sungai Musi
• Lembah Sungai Brantas

Mengapakah mereka memilih lembah sungai sebagai petempatan awal?

- ☐ A Tanah yang subur
☐ B Iklim sekitarnya baik
☐ C Selamat untuk di diami
☐ D Kaya dengan sumber bumi



10. Mengapakah kerajaan Kedah Tua masyhur di Alam Melayu?

- I Kekayaan hasil bumi
- II Penubuhan institusi pendidikan
- III Kemajuan bidang perdagangan
- IV Pusat keagamaan agama Buddha

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

11. Mengapakah kerajaan Funan merosot?

- ☐ A Bencana alam berlaku
- ☐ B Kematian Fan Shih-Man
- ☐ C Serangan kerajaan Chenla
- ☐ D Perebutan takhta pemerintahan

12. Kerajaan Alam Melayu muncul sezaman dengan kerajaan-kerajaan luar yang lain. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada pernyataan ini tentang kerajaan Alam Melayu?

- ☐ A Hubungan perdagangan telah lama terjalin
- ☐ B Dunia Melayu telah wujud sejak zaman Neolitik
- ☐ C Ketinggian tamadun setanding dengan kerajaan lain
- ☐ D Kepulauan Melayu masyhur dalam kalangan pengembara

13. Kerajaan Kedah Tua menghantar utusan ke negara China pada abad ketujuh. Apakah tujuan tersebut?

- ☐ A Mengeratkan hubungan persahabatan
- ☐ B Memperkukuhkan hubungan perdagangan
- ☐ C Meminta bantuan ketenteraan
- ☐ D Mendapatkan pengiktirafan

14. Nama berikut merujuk kepada sebuah kerajaan di Alam Melayu.

• Chieh Ch'a
• Kalah-bar
• Kataha

Apakah kerajaan yang dimaksudkan?

- ☐ A Campa
- ☐ B Sri Vijaya
- ☐ C Kedah Tua
- ☐ D Gangga Negara

15. Bagaimanakah ahli sejarawan membuktikan kewujudan Kerajaan Kedah Tua?

- ☐ A Catatan bertulis pedagang Arab
- ☐ B Jumpaan artifak gendang gangsa
- ☐ C Kewujudan pusat pengajian agama
- ☐ D Penemuan candi di Lembah Bujang

16. Mengapakah kerajaan Alam Melayu menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan China?

- ☐ A Mengukuhkan kedudukan
- ☐ B Mendapatkan keistimewaan
- ☐ C Mengelakkan serangan musuh
- ☐ D Membolehkan pertukaran teknologi

17. Jadual berikut menunjukkan bunyi perkataan bagi etnik di Alam Melayu.

Bahasa Melayu	Bahasa Jawa	Tagalog	Melanau
Empat	Papat	Apat	Pat
Lima	Limo	Lima	Limah

Mengapakah wujudnya persamaan bunyi perkataan ini?

- ☐ A Kosa kata terhad
- ☐ B Kesan penjajahan
- ☐ C Petempatan sama
- ☐ D Pertalian kekeluargaan

18. Siapakah yang bertanggungjawab membebaskan Champa daripada pengaruh China?

- ☐ A Chu-Lien
- ☐ B Rudravarman
- ☐ C Che Bong Nga
- ☐ D Raja Tran Due Tong

19. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan di Alam Melayu.

- Berkembang pada abad ke-9.
- Terletak di Lembah Sungai Mekong.
- Pusat kerajaan ialah Hariharalaya.

Apakah kerajaan tersebut?

- ☐ A Kerajaan Funan
- ☐ B Kerajaan Angkor
- ☐ C Kerajaan Srivijaya
- ☐ D Kerajaan Majapahit

20. Istilah Alam Melayu mengalami perubahan mengikut edaran zaman. Apakah gelaran bagi Alam Melayu suatu ketika dahulu?

- ☐ A Benua Asia
- ☐ B Tanah Besar
- ☐ C Selat Melaka
- ☐ D Pentas Sunda